

AKTA PENGURUSAN STRATA 2013

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN STRATA (TRIBUNAL PENGURUSAN STRATA) 2015

BORANG 1

[Peraturan 6]

PERNYATAAN TUNTUTAN

DALAM TRIBUNAL PENGURUSAN STRATA

DI _____

DI NEGERI _____ MALAYSIA

NO. TUNTUTAN: _____

Nama Pihak yang Menuntut:	
No. K.P./No. Syarikat/No. Pendaftaran:	
Alamat:	
No. Tel:	
No. H/P:	
No. Faks:	
Nama Penentang:	
No. K.P./No. Syarikat/No. Pendaftaran:	
Alamat:	
No. Tel:	
No. H/P:	
No. Faks:	

Tuntutan pihak yang menuntut:

Butir-butir tuntutan:

Tarikh

(_____)

*Tandatangan/Cap ibu jari kanan dan
nama penuh (jika seorang individu)/Nama
penuh orang yang diberi kuasa, jawatan
dan cop rasmi/meterai perbadanan (jika
sebuah syarikat atau pertubuhan
perbadanan)*

Tarikh pemfailan

Setiausaha

(METERAI)

KEPADA PENENTANG:

Jika anda mempertikaikan tuntutan pihak yang menuntut, anda hendaklah memfaillkan pernyataan pembelaan anda dalam Borang 2 dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penerimaan Borang ini.

ARAHAN KEPADA PIHAK YANG MENUNTUT:

1. Anda hendaklah mengisi nama penuh anda, nombor kad pengenalan/nombor syarikat/nombor pendaftaran, alamat dan nombor telefon/telefon bimbit/nombor faks anda dalam ruang yang disediakan.
2. Anda hendaklah mengisi nama penuh penentang, nombor kad pengenalan/nombor syarikat/nombor pendaftaran, nombor telefon/telefon bimbit/nombor faks dan alamatnya yang terakhir diketahui dalam ruang yang disediakan.
3. Anda hendaklah menyatakan perintah yang dipohon dalam ruang yang disediakan.
4. Anda hendaklah menyatakan butir-butir tuntutan anda dalam ruang yang disediakan. Butir-butir itu hendaklah mengandungi tarikh yang berkaitan dan bagaimana tuntutan itu telah berbangkit atau apakah atas tuntutan itu.
5. Jika ruang yang disediakan tidak mencukupi, sila sambung pada helaian kertas yang berasingan dan tuliskan "sila lihat muka surat sebelah". Apa-apa helaian kertas yang berasingan yang digunakan hendaklah dilampirkan bersama Borang ini.
6. Setelah mengisi butir-butir, anda hendaklah menandatangani sendiri Borang ini. Jika suatu perbadanan atau kumpulan orang yang tidak diperbadankan, anda hendaklah menyatakan nama penuh orang yang diberi kuasa bersama dengan jawatannya dan capkan dengan cop rasmi atau meterai perbadanan.
7. Setelah melengkapkan dan menandatangani Borang ini, anda hendaklah memfaillkan Borang ini dalam empat salinan, dan jika terdapat lebih daripada seorang penentang, dengan salinan tambahan bagi tiap-tiap penentang, di Tribunal bersama dengan bayaran fi yang ditetapkan. Tribunal akan mengecap meterai Tribunal pada semua salinan, dan semua salinan kecuali dua salinan Borang ini akan dikembalikan kepada anda. Anda

kemudiannya mestilah menyerahkan satu salinan Borang yang telah ditandatangani dan dimeterai kepada tiap-tiap penentang.

8. Anda tidak boleh diwakili oleh peguam bela dan peguam cara semasa pendengaran. Walau bagaimanapun anda boleh memohon kepada Tribunal semasa pendengaran untuk diwakili oleh seseorang peguam bela dan peguam cara dengan syarat bahawa anda dapat menunjukkan bahawa perkara yang dipertikaikan melibatkan isu undang-undang yang kompleks dan anda akan mengalami kesusahan kewangan yang teruk sekiranya anda tidak diwakili oleh peguam bela dan peguam cara tersebut

ARAHAN KEPADA PENENTANG:

1. Apabila anda menerima Borang ini yang telah ditandatangani dan dimeterai oleh Tribunal, anda didakwa oleh pihak yang menuntut.
2. Jika anda mempertikaikan tuntutan itu anda hendaklah menyatakan pembelaan anda, dengan butir-butir, dalam Borang 2.
3. Anda hendaklah memfailkan pernyataan pembelaan anda dalam Borang 2 di Tribunal bersama dengan bayaran fi yang ditetapkan.
4. Jika anda gagal untuk memfailkan pernyataan pembelaan anda dalam masa yang ditetapkan atau jika anda gagal untuk hadir di hadapan Tribunal pada tarikh pendengaran, maka Tribunal boleh membuat award dengan memihak kepada pihak yang menuntut.
5. Anda tidak boleh diwakili oleh peguam bela dan peguam cara semasa pendengaran. Walau bagaimanapun anda boleh memohon kepada Tribunal semasa pendengaran untuk diwakili oleh peguam bela dan peguam cara dengan syarat bahawa anda dapat menunjukkan bahawa perkara yang dipertikaikan melibatkan isu undang-undang yang kompleks dan anda akan mengalami kesusahan kewangan yang teruk sekiranya anda tidak diwakili oleh peguam bela dan peguam cara tersebut.

FI YANG DITETAPKAN UNTUK KES TRIBUNAL PENGURUSAN STRATA
[Peraturan 4]

Bil.	Prosiding	Borang	Amaun fi (RM)
1.	Pemfailan pernyataan tuntutan bagi kediaman	1	100.00
2.	Pemfailan pernyataan tuntutan bagi komersial/industri	1	200.00
3.	Pemfailan pernyataan pembelaan dan tuntutan balas bagi kediaman	2	100.00
4.	Pemfailan pernyataan pembelaan dan tuntutan balas bagi komersial/industri	2	200.00
5.	Pemfailan pembelaan kepada tuntutan balas bagi kediaman	3	50.00
6.	Pemfailan pembelaan kepada tuntutan balas bagi komersial/industri	3	100.00
7.	Bayaran kepada orang yang disaman	12	100.00
8.	Pemfailan notis permohonan bagi kediaman	14	50.00
9.	Pemfailan notis permohonan bagi komersial/industri	14	100.00
10.	Pemfailan permohonan untuk mengetepikan award bagi kediaman	16	50.00
11.	Pemfailan permohonan untuk mengetepikan award bagi komersial/industri	16	100.00